

CNS6209

U GB 31-01 00177 BH663

aab

Mahathir - Pairin

TINDAKAN PAIRIN INGIN TERUS MENTADBIRKAN SABAH MEMALUKAN NEGARA

BEAUFORT, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan sebagai seorang yang tidak mempunyai maruah dan memalukan negara.

"Pairin didapati bersalah kerana rasuah oleh mahkamah tetapi masih tidak mahu mengosongkan jawatannya dalam kerajaan dan parti," katanya.

Pairin ialah juga presiden Parti Bersatu Sabah (PBS).

Dr Mahathir berkata sikap Pairin itu bukan sahaja memalukan negeri Sabah, rakyat Sabah malahan turut mencemarkan nama Malaysia.

"Tindakan Pairin yang ingin bertanding pada pilihan raya negeri ini pada 18 Feb dan 19 Feb ini dengan hasrat untuk terus menerajui kerajaan negeri Sabah ialah satu perbuatan yang tidak bermaruah dan memalukan," katanya pada Perhimpunan Bersama Rakyat di Padang Bandaran di sini hari ini.

"Jika dia (Pairin) seorang yang bermaruah dan berwibawa, dia patut melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan politik selepas mahkamah mendapatinya bersalah," kata Perdana Menteri disambut dengan tepukan gemuruh kira-kira 10,000 hadirin. -- Lagi

▼31/01/18-31MST

U GB 31-01 00135 BH666

bah

Mahathir - Pairin 2 Beaufort

Dr Mahathir berkata kini terpulanglah kepada rakyat Sabah untuk membuat keputusan pada pilihan raya negeri itu, sama ada masih mahu terus Pairin diberi kuasa.

Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu baru-baru ini mendapati Pairin bersalah atas tuduhan mengikut Seksyen 2 (1) Darurat (Kuasa-kuasa Tertentu) Ordinan 1970 dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,800.

"Kalau dia ada maruah, sepatutnya dia letak jawatan (Ketua Menteri). Dia sepatutnya letak jawatan serta merta apabila didapati bersalah.

"Kita bukan nak Ketua Menteri yang asyik seronok sahaja. Kalau dia tidak betul, kita akan tukar dengan yang baru. Dan kalau yang baru juga tidak betul, kita akan tukar lagi.

"Ini jaminan BN. Kita boleh buat demikian kerana kita bukannya datang daripada satu parti sahaja," katanya. -- Lagi

▼31/01/19-02MST

bah

Mahathir - Pairin 3 (Akhir) Beaufort

Dr Mahathir berkata, perjuangan Pairin sebenarnya cetek, tanpa prinsip dan tidak berasaskan kepada perjuangan untuk membela rakyat.

Menurutnya, sejarah perjuangan Pairin bermula dengan kemarahannya terhadap Ketua Menteri Sabah sebelum itu, Datuk Harris Salleh.

Katanya, apabila beroleh kemenangan (pada pilihan raya negeri 1985), Pairin tetap tidak memikirkan untuk menolong rakyat sebaliknya menjadikan rakyat mangsa terhadap perbuatannya.

"Dia hanya tolong keluarganya hingga kena masuk mahkamah (atas tuduhan rasuah). Tak usahlah kira tentang denda (RM1,800 yang membolehkan Pairin memegang jawatan dan bertanding pada pilihan raya), tetapi dia tetap bersalah.

"Apakah kita hendak seorang Ketua Menteri yang mahkamah sendiri sudah sahkan dia penjenayah," katanya dalam ucapannya selama kira-kira 50 minit.

Hadir sama pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Leo Moggie.

Juga hadir ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Menteri Besar Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Tamby Chik. -- Bernama

MOK SJA AKD

▼31/01/19-12MST